

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap ejen-ejen yang membawa masuk pekerja secara haram di Australia dan Korea Selatan serta berapa ramai yang telah diambil tindakan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rakyat Malaysia yang pergi ke negara luar untuk bekerja secara haram boleh berlaku dalam dua cara, iaitu:

- i. Ditipu selepas dijanjikan akan dijadikan pekerja yang sah yang mana proses dokumentasi kononya akan dibuat apabila mereka telah sampai ke negara destinasi: atau
- ii. Mereka sudah mengetahui dan merancang untuk bekerja secara haram.

Kemasukan bakal pekerja haram ke negara destinasi akan diuruskan oleh individu tertentu dengan menggunakan visa pelancong. Oleh yang demikian amat sukar untuk mengesan dan mengambil tindakan ke atas ejen-

SOALAN NO : 15

ejen haram tersebut kerana mereka beroperasi secara sulit apatah lagi beroperasi dari negara destinasi. Kegiatan ejen-ejen haram amat sukar untuk dikesan malahan mangsa penipuan juga tidak mengenali mereka.

Penghantaran pekerja keluar negara secara sah hanya boleh dilakukan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen sahaja. Bagi mengatasi masalah penipuan oleh agen-agen pekerjaan haram, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) telah memperuntukan mana-mana syarikat yang ingin menjalankan aktiviti merekrut pencari kerja tempatan untuk bekerja di luar negara, perlu memperolehi lesen kategori B atau C di bawah Akta tersebut. Agensi Pekerjaan Swasta akan menjalankan proses merekrut dan menghantar bakal pekerja secara teratur ke luar negara sebagaimana prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Sehingga 31 Oktober 2021, jumlah Lesen B dan C yang telah dikeluarkan kepada Agensi Pekerjaan Swasta yang aktif seperti berikut :

Lokasi	Lesen B	Lesen C	Jumlah
Semenanjung Malaysia	301	477	778
Sabah	1	45	46
Sarawak	3	22	25
Jumlah	305	544	849

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan di bawah Akta ini, apabila disabitkan telah melakukan **suatu kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya**. Sehingga kini masih belum ada Agensi Pekerjaan Swasta di ambil tindakan di bawah Akta Agensi Swasta (Akta 246) kerana menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Kerajaan sentiasa menyebarkan maklumat kepada umum supaya tidak tertipu dengan tawaran kerja yang bergaji lumayan di luar negara bagi meningkatkan tahap kesedaran dikalangan awam.